

ELEMEN MUZIK DALAM LITERASI BAHASA MELAYU MURID BERPENCAPAIAN RENDAH

Nur Kadariah Mansor, Kama Shaffeei & Kway Eng Hock
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: nurkadariahmansor@gmail.com

Published: 23 Oktober 2024

To cite this article (APA): Mansor, N. K., Shaffeei, K., & Kway, E. H. Elemen muzik dalam Literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 1–11. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.1.2024>

Abstract

This study aims to identify the use of musical elements and singing as one of the approaches employed in the teaching and learning of Malay Language at the primary school level. Collin (2018) states that when listening to music, various brain nerves are involved and active simultaneously. The importance of musical elements is seen as being capable of enhancing Malay literacy skills among low-achieving students. The study was conducted using a qualitative method. The sample consists of three low-achieving students. The findings of this study are expected to demonstrate that musical elements can be successfully applied to low-achieving students, depending on their mental capacity, interest and attention span, the number of students (which should not be too large), the teacher's ability to master musical elements, available facilities, and the learning environment of the students involved. Therefore, with the findings of this study, it is hoped that useful evidence can be provided and a teaching plan can be developed as a reference to help Malay language teachers properly manage low-achieving students in the classroom.

Keywords: musical elements, Malay literacy, low-achieving students

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti penggunaan elemen muzik dan nyanyian yang merupakan salah satu pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Collin (2018) mengatakan apabila mendengar muzik, pelbagai saraf otak terlibat dan aktif serentak. Kepentingan elemen muzik dilihat mampu mempertingkatkan kemahiran literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah. Kajian ini dilaksanakan secara kualitatif. Sampel kajian melibatkan tiga orang murid berpencapaian rendah. Dapatkan kajian diharapkan dapat membuktikan elemen muzik berjaya diterapkan kepada murid-murid berpencapaian rendah bergantung kepada tahap pencapaian mental murid, minat dan daya tumpuan, jumlah murid yang tidak terlalu ramai, keupayaan guru dalam menguasai elemen muzik, kemudahan yang sedia ada serta persekitaran tempat belajar murid terbabit. Justeru, dengan penemuan kajian ini diharapkan mampu menyediakan bukti yang berguna dan dapat menghasilkan sebuah pelan pengajaran bagi rujukan serta membantu guru Bahasa Melayu mengendalikan murid berpencapaian rendah di dalam kelas dengan sewajarnya.

Kata kunci: elemen muzik, literasi Bahasa Melayu, murid berpencapaian rendah

PENDAHULUAN

Kajian ini menerangkan tentang penggunaan elemen muzik merupakan satu bahan yang mengandungi ritma, melodi atau kelangsungan bunyi yang tersusun boleh mententeramkan keadaan. Muzik adalah salah satu daripada kecerdasan yang disenaraikan oleh Howard Gardner sebagai kecerdasan yang boleh

dikembangkan potensinya dan juga bolah digunakan untuk merangsang perkembangan kecerdasan lain. Ini kerana menurut Azli (2018), kaedah ini dianggap sesuai dengan persekitaran dan rutin harian kanak-kanak seperti menyanyi, menghasilkan bunyi-bunyian, bermain alat muzik dan menari.

Sehubungan dengan itu menurut Mahzan Arshad (2019), kemahiran literasi pula dikenali sebagai kemahiran mengenal huruf atau celik huruf. Kemahiran ini bermaksud kemampuan minimum untuk membaca dan menulis sesuatu Bahasa itu. Kemahiran literasi pula menurut Mahzan Arshad (2003) mengatakan bahawa suatu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir dalam sesuatu Bahasa. Menurut Rosenblatt (1978), reaksi pembaca secara eferan dan estetik merupakan satu matlamat yang perlu dicapai dalam proses pembacaan.

Menurut Abdul Said Ambotang dan Osman Said (2017), murid berpencapaian rendah biasanya akan mudah rasa bosan dengan kaedah pengajaran guru yang bersifat sehalo, pasif, konvensional dan kurangnya galakan penglibatan murid yang aktif semasa pdpc, penggunaan alat bantu mengajar yang tidak interaktif menyebabkan mereka menjadi kurang focus semasa pdpc di dalam kelas.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini adalah tentang penggunaan elemen muzik dalam literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah. Seterusnya akan terhasilah satu bahan iaitu Pelan Pengajaran Nur Kadariah Mansor (NKM) untuk sumber rujukan guru dalam pdpc yang di jalankan di dalam kelas sebagai panduan untuk memandu guru-guru menjalankan aktiviti yang sesuai untuk murid di dalam kelas.

PENYATAAN MASALAH

Bagi meningkatkan tahap pembelajaran murid dalam literasi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat semakan dan penambahbaikan terhadap kurikulum Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)(2003) dan diganti dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2011. Dalam KBSR dan KBSM, pendekatan pdpc seperti Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK), Kajian Masa Depan (KMD), Pembelajaran Akses Kendiri (PAK), Belajar Cara Belajar (BCB) dan Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) diserapkan ke dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk membantu meningkatkan prestasi akademik murid-murid. Pembelajaran masteri, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), pembelajaran secara konstektual dan konstruktivisme diserapkan agar dapat memberi kesan positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu murid di sekolah rendah.

Sehubungan dengan itu, murid kelas pemulihan juga perlu mengikuti kelas arus perdana berpandukan sukatan murid yang telah ditetapkan. Mereka tidak tertumpu di dalam kelas pemulihan sahaja kerana mereka juga perlu mengikuti sukatan normal seperti murid lain. Murid-murid yang tidak mendapat pendidikan asas dari awal iaitu pada peringkat prasekolah agak sukar untuk menyesuaikan diri dengan kelompok murid yang pernah belajar pada peringkat prasekolah. KPM (2003) mengatakan bahawa membaca merupakan kemahiran utama dalam melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek serta sosial mereka. Peranan ibu bapa juga penting dalam mendedahkan mereka dengan pendidikan awal untuk membiasakan mereka dengan persekitaran dan alam persekolahan. Inilah yang menyebabkan wujudnya kelompok murid yang daya pemikiran pantas, lembab dan sederhana. Dalam aspek kepedulian, guru perlu peka dan prihatin terhadap kemampuan murid-murid itu sendiri serta sensitif tentang permasalahan mereka.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu murid-murid berpencapaian rendah ini dalam pendidikan tetapi belum berjaya sepenuhnya. Kurikulum yang digubal berfokus kepada kemahiran berbahasa dan kemahiran membaca dan menulis adalah antara aspek yang terkandung di dalamnya. Persoalannya, mengapakah dalam tempoh waktu yang begitu lama masih lagi wujud keciciran murid dalam menguasai kemahiran literasi seperti membaca dan menulis meskipun Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) dan program Literasi dan Numerasi (LINUS) telah dihapuskan untuk menguji tahap kebolehan murid dalam literasi Bahasa Melayu.

Morvafcik dan Nolte (2018) berpendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran berdasarkan muzik menjadikannya lebih baik dan lebih bermakna kepada murid. Pengalaman murid di dalam bilik darjah seperti melakukan elemen berkumpulan, menyanyi dan muzik bebas adalah satu gambaran yang jelas betapa bermanfaatnya muzik serta kepentingannya kepada pencapaian akademik dan

perkembangan kognitif murid itu sendiri. Sebagai kesimpulannya, muzik amat sesuai dalam proses penerokaan murid untuk proses pengajaran dan pembelajaran agar menjadi lebih bermakna dan lebih bermanfaat.

Menurut Wortham dan Hardin (2019), pentaksiran kanak-kanak adalah berbeza dengan pentaksiran orang dewasa kerana mereka masih belum mencapai tahap serta menguasai kemahiran membaca atau menulis dengan sepenuhnya. Manakala menurut Juppri Bacotang (2019), perkembangan awal kanak-kanak mempunyai cabaran berbeza, unik dan mempengaruhi pemilihan strategi serta pentaksiran atau cara mentaksir seorang kanak-kanak itu. Kaedah pentaksiran perlu sesuai dengan tahap perkembangan mental, sosial dan fizikal kanak-kanak itu sendiri.

Menurut laporan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), melaporkan bahawa tahap penguasaan kemahiran bacaan rakyat Malaysia masih rendah iaitu pada kedudukan 54 daripada 74 negara peserta. Ini menunjukkan Malaysia menghampiri 20 tangga terakhir negara peserta. Kedudukan ini amat membimbangkan kita. Memandangkan daripada kajian-kajian lepas, penggunaan elemen muzik dalam literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah boleh digunakan untuk mengatasi masalah literasi murid.

OBJEKTIF KAJIAN


Secara khusus, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memberikan deskripsi tentang elemen muzik untuk membantu murid berpencapaian rendah dalam aspek literasi Bahasa Melayu sebagaimana berikut:

1. Mengenal pasti punca masalah murid merosot serta tidak menguasai kemahiran literasi
2. Mengenal pasti elemen Muzik dalam pengajaran Literasi
3. Meneroka elemen muzik dalam pengajaran kemahiran literasi Bahasa Melayu murid tahun tiga

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian serta objektif kajian yang dinyatakan, kajian ini ingin mencari jawapan bagi persoalan-persoalan berikut :

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh murid menguasai kemahiran literasi?
2. Apakah elemen Muzik dalam pengajaran literasi?
3. Sejauhmanakah elemen muzik dapat membantu murid tahun tiga menguasai kemahiran literasi Bahasa Melayu?



Rajah 1.0 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini adalah berasaskan kerangka teori kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner (1983). Gardner (1999) menyatakan bahawa manusia mempunyai sembilan kecerdasan iaitu yang pertama ialah logik Matematik seperti kebolehan berfikir secara rasional, saintifik dan abstrak serta mempunyai kecenderungan sebagai jurutera. Manakala kedua ialah visual atau ruang yang mempunyai kelebihan dari segi memahami dan menggunakan maklumat berbentuk visual serta kecenderungan sebagai arkitek, juruterbang dan sebagainya. Manakala yang ketiga ialah spiritual iaitu ciri yang menunjukkan semangat, motivasi dan nilai-nilai kerohanian.

Kajian ini adalah berdasarkan kerangka teori kecerdasan pelbagai yang dipelopori oleh Howard Gardner (1983). Manakala cara pengendalian sesi pdpc pula ialah dipengaruhi oleh pendekatan Projek Zero, Seni dalam Pendidikan berasaskan teori kecerdasan pelbagai dalam penyelidikannya bersama rakan-rakan seperjuangannya di Harvard. Taksonomi yang diamalkan ialah taksonomi Bloom dalam pdp dan penilaian yang telah disemak dan dinilai oleh Anderson (2001). Manakala menurut Lazear (2005), panduan aplikasi taksonomi Bloom dalam penulisan objektif setiap aspek rancangan mengajar untuk memperkembangkan kecerdasan muzikal serta kecerdasan murid yang lain adalah berasaskan aplikasi taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai.

Sebagai kesimpulannya, kerangka konseptual di dalam rajah di atas adalah panduan untuk menghasilkan Pelan Pengajaran NKM untuk memandu para guru Bahasa Melayu tahun tiga untuk menghadapi kepelbagaian aras murid di dalam kelas agar mencapai objektif pdp yang diharapkan. Pelan Pengajaran (NKM) yang berkONSEPkan elemen Muzik sesuai untuk diikuti dan diaplikasikan di dalam kelas agar murid-murid berpencapaian rendah lebih aktif dan tidak pasif ketika bersama rakan-rakan lain di dalam kelas arus perdana. Jadi, para guru akan dipandu dengan langkah yang sesuai dalam Pelan Pengajaran NKM untuk menghasilkan pdp yang lebih menyeronokkan, kreatif dan lebih efisien perlaksanaanya di dalam kelas.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Penyelidikan adalah proses dalam menghasilkan maklumat baru dan maklumat bertujuan khusus untuk bertindak balas terhadap "ketidakpastian". Menurut Chua (2006), penyelidikan dilakukan kerana ketidakpastian sesuatu atau fenomena yang telah berlaku, semasa atau sebelumnya .Manakala Che Mahzan Ahmad(2017), ia perlu dilakukan mengikut metodologi khusus yang tersedia untuk dapatkan data terkini. Metodologi adalah aspek penting yang harus dipertimbangkan ketika melakukan penyelidikan kerana ini adalah teknik bagaimana penyelidikan dijalankan. Ini dapat membantu memastikan bahawa penyelidikan dijalankan secara tersusun dan seterusnya dapat hasil penyelidikan yang sangat baik.

Menurut Creswell (2019), kaedah kualitatif menggunakan pelbagai disiplin dan subdisiplin, termasuk contoh dari pelbagai bidang, termasuk penilaian program, penyelidikan pelbagai budaya, kaunseling, psikologi sekolah, pendidikan dalam profesion kesihatan, dan pembelajaran dan kognisi. Di samping itu, liputan yang dipertingkatkan menggabungkan strategi berasaskan teknologi terkini dan alat dalam talian dalam menjalankan penyelidikan, dan lebih banyak maklumat mengenai kaedah penyelidikan subjek tunggal.

Menurut Gaab (2016) pengkaji dari Laboratories of Cognitive Neuroscience di Boston mengulaskan bahawa pendidikan muzik membawa manfaat pendidikan yang jelas serta fungsi eksekutif adalah penggerak tunjang pencapaian akademik yang cemerlang lebih daripada kecerdasan otak. Jelasnya “ *walaupun banyak sekolah bertindak untuk membuang program muzik dan menghabiskan banyak masa dalam elemen-elemen penyediaan untuk peperiksaan, penemuan kami mencadangkan bahawa latihan muzik sebenarnya lebih membantu mencorakkan masa depan akademik yang lebih cemerlang.*”

Perlaksanaan Pelan Pengajaran NKM adalah berdasarkan penggunaan elemen Muzik seperti nyanyian dan gerakan untuk membantu guru Bahasa Melayu membimbing dan membantu murid berpencapaian rendah agar mencapai tahap yang dikehendaki. Elemen Muzik itu terdiri daripada lagu kanak-kanak dan gerakan yang mudah untuk murid senang bergerak dan membuat aktiviti. Menurut Taksonomi Bloom yang disemak semula oleh Anderson (2001), terdapat empat kategori pengetahuan

dan enam kategori posisi kognitif. Aplikasi ini merangkumi pengetahuan fakta iaitu istilah dan pengetahuan mengenai elemen dan perincian spesifikasi, pengetahuan konseptual, klasifikasi, kategori, prinsip, generalisasi, teori dan kaedah merangkumi pengetahuan kontekstual dan keadaan serta pengetahuan kendiri.

Selain itu, aplikasi Taksonomi Bloom dalam kecerdasan pelbagai daripada Howard Gardner membawa kepada kepelbagaiannya kecerdasan dari peringkat asas, peringkat kompleks hingga ke tahap kognitif yang lebih tinggi. Tahap perkembangan setiap kecerdasan bermula dari tahap asas iaitu corak mentah kecerdasan, tahap kompleks iaitu penguasaan kemahiran dan keupayaan kecerdasan berdisiplin, serta tahap tinggi kognitif iaitu integrasi dan sintesis kecerdasan.

Metodologi yang diamalkan ialah kajian kes. Satu kes kajian dikendalikan untuk mengkaji strategi dan pendekatan yang sesuai dengan teori kecerdasan pelbagai yang diamalkan dalam pdp berdasarkan penggunaan elemen Muzik dalam literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah. Sehubungan dengan itu, Koelsch (2014) mengatakan bahawa muzik juga banyak mempengaruhi emosi serta perasaan. Manakala Zatorre dan Salimpoor (2013) mengatakan bahawa kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam aktiviti berkaitan elemen muzik cenderung untuk lebih banyak berkomunikasi dengan ibu bapa dan juga guru serta boleh mencetuskan idea serta kreativiti yang bagus melalui lagu dan juga gerakan.

Persampelan

Selepas mengenal pasti masalah kajian, pengkaji akan memilih sampel. Menurut Burgess (1982), persampelan dalam lapangan kajian melibatkan pemilihan tapak kajian, masa, responden dan peristiwa. Teknik persampelan bertujuan ekstrem digunakan untuk mendapatkan maklum balas yang cepat. Menurut Syed Arabi (1998) dan Wimmer dan Dominick (1997), menyatakan bahawa penemuan daripada kajian ini tidak boleh mewakili populasi tertentu namun dapat memberikan gambaran permulaan tentang bidang kajian.

Keduanya ialah kajian ini tidak boleh digeneralisasikan oleh semua sekolah di seluruh Malaysia dan hanya terhad kepada sekolah yang dikaji sahaja. Ketiga, hasil daripada kajian ini bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Keputusan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk mewakili konteks persekitaran Malaysia. Walaupun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada organisasi dalam mengenal pasti ciri, personaliti murid, membuat perancangan komprehensif dalam meningkatkan prestasi kerja serta meningkatkan kreativiti seorang guru. Batasan kajian yang selalu hadir dalam penyelidikan ialah berkaitan dengan skop kajian, alat ukur, masa dan jumlah responden, masa penyelidik, wang, tenaga kepakaran dan lain-lain pembolehubah yang mempengaruhi penyelidikan seperti :

- 1) Kajian ini hanya melibatkan sebuah sekolah yang dipilih sahaja. Hasil dapatan kajian yang diperolehi bergantung kepada keadaan semasa yang berkaitan tentang kelemahan murid dalam literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah.
- 2) Kajian hanya tertumpu kepada murid berpencapaian rendah sahaja. Pemilihan sampel yang terbatas iaitu murid dipilih hanyalah seramai tiga orang sahaja. Jadi, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan untuk semua murid yang berpencapaian rendah di semua sekolah di Malaysia.

Dapatan data yang diperoleh bergantung kepada penglibatan informan yang dipilih untuk memberi maklumat yang diperlukan. Pengkaji menumpukan kajian dengan meneliti kepelbagaiannya dapatan data yang mungkin berbeza-beza berdasarkan kepada demografi murid seperti kepelbagaiannya sosio-ekonomi, latar belakang pendidikan keluarga serta beberapa perkara lain yang berkaitan. Kajian yang dilaksanakan adalah menggunakan kaedah kajian kes dengan mengutip data melalui pemerhatian, temubual dan analisis dokumen. Walau bagaimanapun, data-data tersebut agak terhad bergantung kepada kehadiran murid ke sekolah serta keadaan kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku serta tertakluk dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh sekolah tersebut

Instrumen Kajian

Menurut Azli (2018), pemilihan instrumen amat penting dalam sesebuah kajian. Instrumen kajian merupakan satu alat untuk mengukur data yang diperolehi. Pemilihan instrumen yang baik akan menghasilkan dapatan kajian yang tepat. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah sebagai alat bantu dalam melengkapkan kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen sebagai komponen penting kajian untuk menyokong maklumat-maklumat yang diperolehi.

Prosedur Kajian

Setelah selesai hasil analisa kajian yang diperolehi, instrumen akan diperbaharui sekiranya perlu. Maka bermulalah proses pengumpulan data sebenar untuk kajian ini. Proses pengumpulan data berlaku dalam tiga peringkat untuk tempoh enam minggu bermula dari bulan Mac 2020 hingga awal bulan Mei 2020. Kebenaran pihak Guru Besar Sekolah 1 telah diberikan kepada penyelidik untuk membenarkan guru untuk mengambil bahagian dalam kajian ini di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Pertemuan kali pertama antara penyelidik dan peserta kajian adalah untuk menerangkan tujuan kajian dan kaedah kajian. Kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh sepanjang kajian ini juga dibincang bersama dengan peserta kajian. Lawatan ini diakhiri dengan membincangkan jadual lawatan yang ditentukan berdasarkan keselesaan peserta kajian bagi tujuan temu bual dan pengumpulan bukti dokumen.

DAPATAN KAJIAN

Objektif (1) Mengenal pasti punca masalah murid merosot serta tidak menguasai kemahiran literasi

Menurut Howard Gardner (2006), kegagalan murid serta merosot dan tidak memguasai kemahiran literasi dalam pembelajaran adalah kerana setiap pelajar dipercayai mempunyai profil kecerdasan yang tidak sekata tetapi diajar dengan cara yang sama dan serupa dengan murid yang berpencapaian tinggi.

Manakala menurut Sternberg dan Grigorenko (2004), menunjukkan bahawa murid akan belajar dengan lebih berkesan jika pengajaran mengikut corak serta memahami keupayaan pelajar di dalam sesebuah kelas. Menurutnya lagi, guru digalakkan menggunakan potensi atau cara yang sesuai dengan kecerdasan murid dengan sepenuhnya untuk membantu murid mennguasai ilmu serta kemahiran lain dalam sesi pembelajaran.

Hasil penyelidikan Eliza Ramlee (2013) dan Mazura Sulaiman (2014) mempunyai beberapa penemuan serupa tetapi berbeza dari segi sasaran populasi dan metodologi kajian. Namun, kedua-dua kajian mempunyai kesan yang sama dengan membuktikan kemampuan menggunakan lagu dan muzik adalah cara baru pedagogi dalam pendidikan (PdP). Kajian ini selaras dengan kajian menggunakan kaedah kajian elemen Muzik berdasarkan didik hibur untuk pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Kedua-dua kajian ini dapat menjadi bahan sokongan untuk kajian lanjutan.

Menurut Eda Muryanti (2013), dalam mencapai kemampuan membaca dalam bahasa Melayu di kalangan murid miskin, kajian ini menentukan keberkesanan mempromosikan murid untuk meningkatkan kemampuan membaca mereka di kalangan tiga orang murid ini. Kajian ini dilakukan pada 15 murid tahun 3 yang juga terlibat dalam program LINUS di Sekolah Kebangsaan Kinarut, Papar.

Untuk mencapai tujuan kajian ini, penyelidikan kuantitatif digunakan untuk mengumpulkan data dan maklumat penyelidikan seperti ujian pra dan ujian pos responden kajian dan penggunaan borang soal selidik. Hasil kajian Eda Muryanti (2013), mendapati bahawa ujian pasca semua murid Tahun 3 didapati bahawa kemampuan membaca murid dapat ditingkatkan. Empat orang memperoleh empat kumpulan yang menguasai kaedah ejaan pada kadar yang tidak seperti sebelum mengajar dan belajar menggunakan kaedah didik hibur. Seterusnya dua orang murid telah berjaya memperolehi band lima, iaitu dapat membaca tanpa mengeja huruf-huruf yang diberikan.

Sebagai kesimpulannya, hasil penyelidikan oleh Eda Muryanti (2013) telah menunjukkan bahawa penggunaan elemen Muzik untuk belajar subjek Bahasa Melayu adalah amat berkesan. Banyak

kajian yang melibatkan bahasa Melayu dan elemen Muzik telah menemui hasil kajian yang sesuai untuk pedagogi dalam pendidikan hari ini. Sekiranya kita melihat tahun berikutnya pada tahun 2015, 2016 dan tahun seterusnya ialah tahun 2017 penyelidikan berkaitan kaedah pendidikan didik hibur masih dijalankan untuk melakukan tinjauan keberkesanan kaedah tersebut.

Objektif (2) Mengenal pasti elemen Muzik dalam pengajaran Literasi

Kajian-kajian lepas menunjukkan penggunaan modul untuk pengajaran literasi amat-amat membantu. Menurut Rohaty dan Kamisah (2010) dan Juffri (2013) mengatakan bahawa penggunaan modul dapat meningkatkan kemahiran literasi murid-murid.

Manakala menurut Mahzan Arshad (2019), pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah pada hari ini telah mengalami perubahan yang pesat serta perubahan dari segi huriahan kurrikulum dan kurikulum dalam kandungan dan pendekatan yang dicadangkan bagi memperoleh hasil pembelajaran yang terbaik.

Menurut Mohd Azam Samsudin dan Kamariah Abu Bakar (2019), penggunaan elemen muzik dan nyanyian di dalam kelas dapat dilihat melalui set induksi, kandungan pengajaran dan pembelajaran serta sesi penutup. Menurut mereka lagi, guru mengaplikasikan elemen Muzik dan nyanyian di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan komputer atau pun telefon pintar. Menurut Nur Aisyah Mohd nor, Zamri Mohamod, Afendi Hamat dan Mohd Amin Embi (2012), elemen muzik dan nyanyian di dalam kelas oleh guru dapat dilihat melalui set induksi, isi kandungan pembelajaran ataupun sesi penutup.

Di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru boleh mengaplikasikan pendekatan muzik dan nyanyian dengan menggunakan pelbagai jenis peranti melalui capaian internet beserta pembesar suara dan juga audio untuk menarik perhatian murid. Penggunaan bahan-bahan atau gajet adalah satu elemen dan bantu mengajar (BBM) di dalam menyuntik keseronokan dan lebih efektif sebagai salah satu Pembelajaran Abad ke 21 (PAK 21) yang selalu dikaitkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran terkini.

Menurut Aminudin Ahmad (2017) iaitu Mantan Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian katanya, dalam kes seperti ini setiap orang guru perlu memahami, menghargai dan mempraktikkan konsep guru yang berinteraksi dengan *Teach Less Learn More* (TLLM) iaitu idea untuk guru mengajar dengan berkesan dan meningkatkan penglibatan murid. Penerapan elemen yang dikenali sebagai kaedah Pedagogi dalam Pendidikan (PdP) terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dikenali sebagai kaedah yang menyeronokkan atau santai dan menyeronokkan. Murid berpeluang mengalami persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan meningkatkan minat dan motivasi mereka dalam memperoleh pengetahuan dan mendorong murid untuk berinteraksi dan mempromosikan pembelajaran secara aktif. Ini dapat membantu mengukuhkan murid dan mendorong mereka untuk belajar menggunakan pendekatan kreatif dan positif dengan menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dengan cara yang dirancang.

Objektif (3) Meneroka elemen muzik dalam pengajaran kemahiran literasi Bahasa Melayu murid tahun tiga

Menurut M.Arshad dan C.SOOK Ching (2017), elemen muzik dan gerakan dianggap sebagai bahan bantu pengajaran yang mampu dan menarik serta dapat membantu guru dalam proses pdp di dalam kelas tahun tiga. Ini kerana murid lebih mudah mengingat topik pembelajaran semasa yang disampaikan oleh guru.

Menurut Zamri Mahamod (2014), kecerdasan dari segi muzik adalah kebolehan mengesan ritma, nada dan melodi termasuklah kemahiran mengenal lagu dan mengubah lirik lagu dan irama dalam melodi yang mudah. Seseorang yang mempunyai kecerdasan ini juga sensitif serta peka kepada bunyi seperti suara manusia dan alat muzik. Menurutnya lagi, semua orang mempunyai kecerdasan muzik tetapi pada tahap yang berbeza-beza. Menurut Zamri Mahamod (2014), guru Bahasa Melayu boleh memulakan pdp mereka dengan memasang lagu bagi menarik minat murid terutamanya murid tahun tiga untuk megasai sesuatu topik yang diajarkan oleh guru terbabit.

Seterusnya menurut Zamri Mahamod (2014) lagi, pdp kontekstual yang menggunakan muzik sebagai bantu mengajar dilihat dapat membantu proses pengajaran guru serta meningkatkan pemahaman murid dalam sesi penghuraian tajuk-tajuk tertentu di dalam kelas terutamanya. Menurutnya lagi, kaedah ini dapat membantu serta menggalakkan murid terutamanya murid tahun tiga menguasai sesuatu topik pembelajaran yang diajarkan oleh guru Bahasa Melayu tersebut.

Sebagai kesimpulannya, menurut Mahzan Arshad (2019) walaupun murid dapat menguasai sesuatu kemahiran literasi secara semulajadi, namun para pendidik di Institusi Pendidikan awal kanak-kanak perlu merangka perancangan yang khusus bagi membantu kanak-kanak menguasai kemahiran dengan kaedah yang lebih berkesan. Menurut Mahzan Arshad (2019) lagi, para pendidik memainkan peranan penting dalam mendidik murid untuk menguasai kemahiran literasi di awal usia mereka. Oleh itu, perancangan yang rapi perlu dilakukan bagi melaksanakan bimbingan literasi pada tahap awal kepada murid berpencapaian rendah ini.

PERBINCANGAN

Menurut Aliza Ali dan Zamri Mahamood (2015), mendapati guru memerlukan sumber dan bahan pengajaran dalam bentuk pelan pengajaran ataupun modul untuk memperincikan cara pengajaran dan pembelajaran kemahiran literasi.

Manakala menurut Mahzan Arshad (2019), mengatakan bahawa kemahiran literasi dapat ditingkatkan dengan mendedahkan pelbagai elemen literasi bagi kanak-kanak pada tahap awal.

Seterusnya menurut Zamri Mahamod (2014) lagi, pdpc kontekstual yang menggunakan muzik sebagai bantu mengajar dilihat dapat membantu proses pengajaran guru serta meningkatkan pemahaman murid dalam sesi penghuraian tajuk-tajuk tertentu di dalam kelas terutamanya. Menurutnya lagi, kaedah ini dapat membantu mereka serta menggalakkan murid menguasai sesuatu topik pembelajaran yang diajarkan oleh guru Bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Akhirnya, usaha untuk menyediakan bahan pengajaran Literasi Bahasa Melayu murid berpencapaian rendah serta alternatif kaedah pengajaran yang menyeronokkan perlu diperbanyakkan serta mengikut kesesuaian dengan psikologi murid-murid tahun tiga terutamanya sekolah rendah yang lebih suka akan suasana yang santai. Dengan kata lain, penggunaan Pelan Pengajaran NKM yang lebih berpusatkan murid serta penggunaan elemen muzik merupakan satu kaedah yang sesuai digunakan dan dijadikan satu intervensi untuk meningkatkan kemahiran literasi murid berpencapaian rendah murid tahun tiga serta meningkatkan motivasi diri mereka dikalangan murid arus perdana.

RUJUKAN

- Aleman, A., Nieuwenstein, M. R., Bocker, K. B., & de Hann, F. H. F. (2003). Music and mental imagery ability. *Neuropsychological*, 38, 1664-1668.
- Aliza Ali, & Zamri Mahmod. (2015). Pembangunan modul pendekatan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-8.
- Atan Long. (1986). "The importance of reading to national development". Ucapan perasmian dalam Seminar on Reading and National Development, ISIS, pada 29 April, 1986.
- Abdul Rashid Jamian. 2011. Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 1-12.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. 2008. Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. *Kertas kerja di Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2-4 Jun 2008.
- Aitchison, J. 1998. *The Articulate Mammal: An Introduction to Psycholinguistics*. New York: Routledge.
- Aliza Ali & Zamri Mahamod. 2015. Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak- kanak prasekolah. JuKu: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(1): 1-8.
- Anvari, S.H., Trainor, L.J., Woodside, J. & Levy, B. A 2002. Relation among musical skill, phonological processing and early reading ability in preschool children. *Journal of Experimental Psychology* 83: 111-130.
- Anderson, W.M. & Lawrence, J.E. 2007. *Integrating Music into the Elementary Classroom*. Belmont, CA: Thomson Learning, Inc.
- Artley, A.S. 1980. Psycholinguistics applied to reading instruction. *Reading Horizons* 20(2): 5.
- Arshad Ismail. 2006. *Pengalaman Awal Membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azizah Zain. 2010. Penggunaan bacaan berulang dapat mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia*, 8-10 November 2010
- Azli Bin Ariffin. 2018. Model Elemen Penggunaan Lagu Kanak-kanak Melayu Tradisional Untuk Peningkatan Imagination-Kreatif Prasekolah. Kuala Lumpur: University Malaya.
- Baharom Mohamad, Mohd. Yusof Abdullah, Shukri Zain, Abdul Said Ambatong, Muhamad Suhaimi Taat & Roslee Talip. 2012. Menguasai kemahiran membaca secara berkesan. *Utusan Borneo* 22-2-2012 B3 & B4. diakses pada 10 September 2018.
- Bebeau, M.J. 1982. Effect of traditional and simplified method of rhythm. *Journal of Research in Music Education* 30(2): 107-119.
- Bailey, L.L. 2008. *Is Your Child Ready to Read? Developing Literacy Skills at Home*. Nemours Brightstart! dyslexia Initiative. Jacksonville, FL.
- Brandt, A, Gebrian, M.L. & Slevc, R, 2012. Music and early language acquisition. *Frontiers in Psychology* 3: 327.
- Chomsky, N. 1957. *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton. Evans, M.A., Williamson, K. & Rursoo, T. 2008. Preschoolers' Attention to print during shared book reading. *Scientific Studies of Reading* 12(1): 106-129.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. 2006. *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. (8th ed.). Upper Saddle River, New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Ghazali darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid. 2011. Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu* 6: 29-47.
- Iri dayanie Shafee. 2007. Teachers perception towards the use of song in teaching English in ESL classroom. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Isahak Haron, Abdul Rahim Razali, Zainiah Mohamed Isa, Samri Sainuddin & Nordin Mamat. 2006. *Kajian Tinjauan Buku Bacaan Kanak-kanak Prasekolah di Malaysia*. Tanjong
- Hanizah Abdul Bahar. (2010). Penggunaan dan integrasi muzik dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah Seri Mawar, Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh: Satu kajian kes. Laporan projek Ijazah Sarjana Fakulti Seni dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hill-Clarke, K. Y., & Robinson, N. R. (2004). It's easy as a-b-c and do-re-mi: Music, rhythm and rhyme enhance children's literacy skills. *Young Children*, 59(5), 91-95.
- Hoffman, J. L. (2010). Looking back and looking forward: lessons learned from Early Reading First. *Childhood Education*, Fall, 8-16.

- Isahak Haron. (1979). Beberapa kaedah mengajar murid-murid membaca Bahasa Malaysia di peringkat awal. Kertas kerja dibentangkan di KOMPEN IV, Persatuan Suluh Budiman, Kuantan.
- Isahak Haron et al. (2004). Awal membaca Bahasa Melayu: Keberkesanan kaedah gabungan bunyi-kata untuk prasekolah dan untuk pemulihan. Laporan projek penyelidikan jangka pendek. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Perak.
- Jabatan Perdana Menteri. 2010. Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju. Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU).
- Johami Abdullah.1997. Pendidikan Muzik Semasa. Kuala Lumpur: dewan bahasa dan Pustaka.
- Juppri Bacotang. 2013. Kesan pelaksanaan Modul Literasi Awal (MULA) terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak TASKA. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak 2: 1-21
- Kamarudin Hj. Husin. 1995. Perkaedahan Mengajar Bahasa. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamisah Buang. (2013). Pembangunan dan pengujian modul intervensi membaca Bahasa Melayu prasekolah berbantuan multimedia. Tesis Dr. Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012a. Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012b. Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012c. Kurikulum kelas dewasa bagi ibu bapa murid Orang Asli dan peribumi (KEDAP). Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- dennis, L.R. & Stockall, N. 2015. Using play to build the social competence of young children with language delays: Practical guidelines for teachers. Early Childhood Education Journal 43: 1-7.
- Lonigan, C.J. 2006. development, assessment, and promotion of pre-literacy skills. Early Education and Development 17: 91-114.
- Lonigan, C.J. & Wilson, S.B. 2008. Report on The Revised Get Ready to Read! Screening Tool: Psychometrics and Normative Information. Technical Report. National Center for Learning disabilities.
- McGriff, S.J. 2000. Instructional System Design: Using the ADDIE Model. Boston: College od Education, Penn State University Press.
- Mangantar Simanjuntak. 1988. Pendekatan Psikolinguistik Kognitif dalam pengajaran dan pembelajaran membaca bagi kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun.
- Mazlini Adnan, Aminah Ayob, ong Eng Tek, Mohd Nasir Ibrahim, Noriah Ishak & Jameyah Sheriff. 2016. Memperkasa pembangunan modal insan Malaysia pada peringkat kanak- kanak: Kajian kebolehlaksanaan dan kebolehintegrasian pendidikan STEM dalam kurikulum PERMATA Negara. GEOGRAFIA OnlineTM
- Malaysian Journal of Society and Space 12(1): 29-36.
- Mohamad Aziz Shah Mohamad Arip 2010. Kesan kelompok bimbingan ke atas konsep kendiri, daya tahan dan kelangsangan remaja. Tesis doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Online. 19 disember 2018. Pentaksiran Baharu Tahap 1 Melalui Didik Hibur Berteraskan Pelajar. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pentaksiran-baharu-tahap-1-melalui-didik-hibur-berteraskan-pelajar-1.807701>. diakses 3 Januari 2019.
- Berita Harian. 13 disember 2018. Jadikan Malaysia Negara Membaca Menjelang 2030. <http://www.beritaharian.com.my/berita/nasional>. diakses 4 Januari 2019
- Landis, J. & Kosh, G.G. 1977. The measurement of observer agreement for categorical data. Jurnal of Biometrics, 33:159-174.
- Marxen, C., Ofstedal, K., & Danbom, K. (2008). Highly qualified kindergarten teachers: Have they been left behind? Journal of Early Childhood Teacher Education, 29 (1), 81-88.
- Mahzan Arshad (2013). Pendidikan literasi awal kanak-kanak: Teori dan amali. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahzan Arshad (2019). Pendidikan Literasi awal kanak-kanak : Teori dan amali. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Marohaini Yusoff. (2004). Penyelidikan kualitatif. Kula Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. 2006. Designing qualitative research. 4th Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Public.
- Merriam, S.B. 2001. Qualitative research and case study applications in education. 4th Edition. Thousand Oaks, CA: Jossey-Bass.
- Noraini Idris & Shuki Osman. 2009. Pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Noraini Idris. 2010. Penyelidikan dalam pendidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education

- NAEYC. (2008). Developmentally Appropriate Practice in Early Childhood Programs Serving Children from Birth through Age 8. A positive statement of the National Association for the Education of Young Children. NW: Washington.
- Modul Membaca Awal Prasekolah Menggunakan Nyanyian Berasaskan Teori Psikolinguistik Kognitif 57 o'Neill, S. & Geoghegan, d. 2012. Pre-service teachers' comparative analyses of teacher/parent-child talk: Making literacy teaching explicit and children's literacy learning visible. International Journal of Studies in English 12(1): 97-128.
- Rini Lestari. 2012. Nyanyian sebagai metode pendidikan karakter pada anak. Prosiding Seminar Nasional Psikologi Islami 2012: 131-136.
- Rohaty Majzub & Kamisah Buang. 2010. The development and testing of preschool bahasa malaysian reading intervention module using multimedia. Procedia Social and Behavioral Sciences 9: 95-598.
- Russell, J.d. 1974. Modular Instruction. A Guide to the Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials. New York: Publishing Company.
- Schon, d., Besson, M., Boyer, M., Peretz, I., Moreno, S. & Kolinsky, R. 2007. Song as an aid for language acquisition. Cognition 106(2): 975-983.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Alias. 2011. Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1(1): 1-15.
- Smith, J. 2000. Singing and song writing support early literacy instruction. The Reading Teacher 53: 646-649.
- Subadrah Madhwana Nair, Najeemah Mohd Yusof & Logeswary Arumugam. 2014. The effects of using the play method to enhance the mastery of vocabulary among preschool children. Early Childhood Educational Journal 43: 1-7.
- Suraya Tarasat & o'Neill, S. 2012. Changing traditional reading pedagogy: The importance of classroom interactive talk for year one Malay readers. International Journal of Pedagogies and Learning 7(3): 239-261.
- Suraya Tarasat & Aisah daud. 2014. Kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian membaca murid peringkat prasekolah. Procedia – Social and Behavioral Sciences 134: 399-407.
- Spardocia, S.A. 2005. Examining the text demands of high-intest low level books. Reading and Writing Quarterly 21: 33-59.
- Storch, S.A. & Whitehurst, G.J. 2002. oral language and code- related precursors to reading: Evidence from a longitudinal structural model. Developmental Psychology 38: 934-947.
- Tiong Leh Ling. 2011. Pembelajaran kemahiran membaca menerusi perisian komputer berasaskan lagu dalam kalangan pelajar pemulihan. Tesis Ijazah doktor Falsafah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tan Siew Tee & Shi Soi Fah. 2005. Use of Songs in the Teaching of Life Skills Modules. ITE Teachers' Conference 2005.
- Tiong Leh Ling & Zaidatun Tasir. t.th. Pendekatan pembelajaran kemahiran membaca menerusi lagu dan muzik berasaskan komputer bagi murid tahun satu. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia 65-84.
- Umul Khasanah. 2014. Pemanfaatan lagu sebagai pilihan bahan belajar bahasa. Jurnal Aktual 1(2).
- U.S. department of Education. 2002. The Facts about... Reading Achievement. <https://www2.ed.gov/nclb/methods/reading/reading.html>. 2 disember 2017.
- Wiggins, d.G. 2007. Pre-K music and the emergent reader: Promoting literacy in a music-enhanced environment. Early Childhood Education Journal 35(1): 55-64.
- Wulandari, R. 2011. Pengembangan Lagu untuk anak usia 4-6 tahun. Dinamika Pendidikan UNY 18(2).
- Yahya othman, Aisah Md. daud, Azmey othman, dK. Siti Ardiah & Maszuraimah Muizz Sulaiman. 2013. Pelaksanaan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik peringkat prasekolah di Brunei darussalam. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 2(1): 93-109.
- Lee, Y. 2006. Applying the ADDIE Instructional Design Model to Multimedia Rich Project-based Learning Experiences in the Korean Classroom. <http://www.emporia.edu/idt/graduateprojects/spring06/01> Februari 2018.
- Zakiah Mohamad Ashari, Azlina Mohd. Kosnin & Yeo Kee Jiar. 2013. Keberkesanan modul belajar melalui bermain terhadap kefahaman pranombor kanak-kanak prasekolah. 2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013). Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaidatun Tasir & Nurul Amirah Mohd Razali. 2008. Pembangunan perisian multimedia berasaskan pendekatan permainan peringkat prasekolah bagi tajuk konsep nombor. Tesis Phd. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia